



Hikayat Panglima Nikosa: Analisis Pemikiran Pengarang Berlandaskan Teori SPB4K

Rosnah Mustafa¹, Hamidah Abdul Wahab² & Siti Marina Kamil³

Pensyarah Kanan
Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

*Corresponding Author: mrosnah@unimas.my

Abstrak

Hikayat Panglima Nikosa (HPN) dalam perbincangan semasa banyak menjurus kepada kepentingan penyerlahannya sebagai dokumen karya sastera terawal, berusia lebih 145 tahun yang sangat berharga diterbitkan di Kuching, Sarawak. Kupasan dari pelbagai sudut telah dibuat oleh ramai tokoh penting, melibatkan sasterawan, sejarawan, ahli akademik, tidak ketinggalan ahli bahasa dan budaya, dalam dan luar negara. Dari sudut penelitian bahasa, makalah ini mencuba untuk merungkai pemikiran yang mendasari kepengarangan penulis HPN, iaitu Ahmad Shawal Abdul Hamid. Kaedah analisis kandungan diaplikasikan dengan fokus kepada teks manuskrip ini, seterusnya data dihurai berlandaskan teori pemikiran yang melibatkan unsur kerohanian, kesaintifikan, kebitaraan, dan kekreatifan, iaitu teori SPB4K yang dipelopori oleh Mohd. Yusuf Hasan (2007). Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat elemen pemikiran yang ditonjolkan menerusi teori yang diaplikasi sememangnya wujud dan mendasari HPN, dan secara langsung menunjukkan pemikiran pengarang yang cendekia dan peka dalam melontarkan isu-isu berkaitan panduan hidup, situasi sosial, ekonomi dan kepentingan berfikir dan berusaha dengan perancangan yang rapi, sesuai dengan zamannya. Penelitian ini memberi implikasi penting dalam kupasan manuskrip ulung di tanah Sarawak, dan pada masa sama menunjukkan signifikan dari sudut teori, lantaran kupasan data yang sistematik dan terfokus dalam konteks pemikiran pengarangnya.

Kata Kunci: Hikayat Panglima Nikosa; kerohanian; kesaintifikan; kebitaraan; kekreatifan

Abstract

Hikayat Panglima Nikosa (HPN) at present is highly discussed by scholars attributable to it being regarded as a valuable literary document, having been published over 145 years ago in Kuching, Sarawak. This text has been the subject of extensive reviews by writers, historians, academics, linguists, and cultural experts both domestically and internationally. This study aims to explore the underlying thought processes of Ahmad Shawal Abdul Hamid, the author of HPN, from a linguistic perspective. A content analysis focusing on the manuscript is done based on the SPB4K theory developed by Mohd. Yusuf Hasan (2007). The theory encompasses four elements: spirituality, scientific rigor, wisdom, and creativity. The findings indicate that these four elements are indeed present and form the foundation of HPN. They reflect the author's scholarly nature and sensitivity to life guidance, social issues, economic conditions, and the importance of intellectual effort combined with proper and careful planning, aligned with the author's era. This research holds significant implications for analysing this prominent manuscript from Sarawak and demonstrates the theoretical importance of a systematic and focused analysis of the author's thought processes.

Keywords: *Hikayat Panglima Nikosa; spirituality; scientific rigor; intellectuality; creativity*

PENGENALAN

Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan atau lebih dikenali sebagai *Hikayat Panglima Nikosa (HPN)* merupakan novel Melayu pertama, bukan sahaja di Borneo-Kalimantan, malah di rantau Asia Tenggara (Awang Azman Awang Pawi, 2021). HPN diterbitkan pada tahun 1876 di Kuching, dan merupakan hasil karya Ahmad Shawal bin Abdul Hamid. Karya ini merupakan buku pertama yang diterbitkan secara individu oleh pengarangnya dan mempunyai bukti pencetakan di Bukit Persinggahan, berdekatan Kampung Boyan, Kuching. Manuskrip asli HPN telah dijumpai pada awal tahun 1980-an, tersimpan di Rhodes House Library, Oxford, England. HPN telah diterbitkan semula oleh Persatuan Kesusasteraan Sarawak pada tahun 1983, yakni lebih kurang 107 tahun setelah ia ditulis dan diterbitkan pada zaman pemerintahan Charles Brooke, berukuran 15.6 x 20.8 cm dan mempunyai 29 halaman. HPN turut diterbitkan bersama transliterasi ejaan rumi dan terjemahan bahasa Inggeris (Hamzah Hamdani, 2004). Meskipun mempunyai kurang daripada 30 halaman, HPN diiktiraf sebagai sebuah karya Melayu awal yang padat dan sarat dengan persoalan yang menonjolkan cerminan kecerdikan minda pengarang, khususnya jika diteliti dari perspektif penulisan pengarang tempatan pada abad tersebut. Penemuan HPN telah mengubah anggapan umum bahawa sejarah perkembangan novel bermula pada tahun 1920-an, didahului dengan *Hikayat Faridah Hanum* (1925) tulisan Ahmad Haji Muhammad Rashid Talu, dan *Kecurian Lima Million Ringgit* (1922) oleh Haji Muhammad Mohd. Said (Hamzah Hamdani, 2004; Syed Othman Syed Omar & Hamzah Hamdani, 2018).

HPN mungkin tidak asing dalam kalangan peminat dan pembaca naskah sastera Melayu, namun bagi sesetengah pembaca terutama mereka yang lebih muda, HPN bukanlah sebuah karya pilihan yang menjadi butir perbualan atau perbincangan

dalam kalangan kelompok tersebut. HPN juga tidak termasuk dalam naskah sastera dalam sistem pendidikan di sekolah, dan ia juga bukan sebuah teks yang sering diteliti pada peringkat pendidikan tinggi. Namun demikian, dalam 10-15 tahun kebelakangan ini, HPN sering dikupas dan diangkat oleh para sasterawan dan penulis, khususnya dari Sarawak yang mengiktiraf novel tersebut sebagai karya Melayu terawal. Meskipun sangat sedikit yang diketahui mengenai penulis HPN, namun pemerhatian oleh Margaret Brooke (The Ranees of Sarawak) dalam bukunya *My Life in Sarawak* pada tahun 1986 cukup memberikan gambaran terhadap figura Ahmad Shawal sebagai seorang individu yang berpendidikan. Berikut catatan mengenai beliau yang ditulis Margaret Brooke;

Inchi Sawal, was a celebrity in the Kuching circles for those days. He was called a "Guru" (master of arts). He knew Arabic, he was a good Malay scholar and had taught a great many of the Rajah's officers in the intricacies of the language. Formerly he had been a Malay writer to the late Rajah.

(Margaret Brooke, 1986, hlm. 159)

Karya Ahmad Shawal yang tergolong dalam karya klasik ini menceritakan kehidupan seorang anak muda yang baru "*angkat-angkat bujang*" (hlm. 2) bernama Nikosa dan penceritaan perjalanan hidupnya sebagai anak seorang pembesar yang dipertanggungjawabkan untuk melanggar musuh, yang mendatangkan kegelisahan dan ketakutan kepada orang-orang kampung. Rentetan itu, dalam 29 halaman novel HPN, perjalanan hidup Nikosa selama 34 tahun diceritakan dalam tiga peringkat, iaitu semasa beliau berumur 18 tahun, 30 tahun dan 40 tahun. Pada usia seawal 18 tahun, Nikosa diamanahkan untuk mengetuai sekumpulan anak muda seramai 300 orang untuk "melanggar musuh" dan mengembalikan keamanan kepada kampung halamannya. Nikosa menemui kemenangan dan kegemilangan, dan membawa balik rampasan dari negeri musuh untuk dibahagikan dengan orang-orang kampung tanpa mengira umur dan kedudukan.

Pada usia 30 tahun, Nikosa diberikan gelaran Panglima Besar, dan diamanahkan untuk menjadi "kepala dan pemegang bicara negeri" kerana kecerdikan dan kejayaannya menundukkan sekalian musuh-musuh yang ada. Kejayaan Nikosa terserlah dalam memastikan kedamaian dalam kehidupan seharian penduduk kampung. Nikosa seterusnya menitahkan pembinaan sebuah kampung baharu yang diberi nama *Jalanan Baharu*. Selepas tiga tahun *Jalanan Baharu* dibina, Nikosa berjodoh dengan Jalilah, yang dianggap Nikosa sebagai sebagai satu keuntungan, "*inilah terlebih untung daripada wang dan emas kerana harta-harta itu boleh hancur atau hilang...*" (hlm. 13-14). Perkahwinan Nikosa dan Jalilah dikurniakan tiga orang permata hati yang ditatang dengan penuh kasih sayang dan dididik dengan mengutamakan pendidikan.

Pada bahagian terakhir novel HPN diceritakan pertemuan Panglima Nikosa dengan Pilina. Kesempitan hidup membawa Pilina kepada Nikosa untuk mendapatkan nasihat dan bantuan kecerdikan akal fikiran Panglima Nikosa dalam kaedah bercucuk tanam yang sistematik demi kelangsungan dan kekayaan Pilina dan keluarganya. Pada bahagian akhir ini Nikosa memperincikan cara bercucuk tanam secara

sistematik, berserta nasihat untuk tidak lalai dalam berbelanja, bagi memastikan Pilina dan isterinya mendapat kesenangan dalam masa 12 tahun.

Ternyata, dalam HPN, keinginan dan rasa tanggung jawab pengarang dalam mengutarakan isu-isu pokok dalam masyarakat adalah sangat jelas dan sekali gus memaparkan ketinggian ilmu dan kebijaksanaan pengarangnya. HPN memberikan gambaran keadaan kehidupan masyarakat yang dibelenggu konflik ketidakstabilan sosial akibat gangguan musuh, mengetengahkan strategi menangani konflik dan sekali gus memuatkan tatacara, proses kendali cabaran serta kerumitan dalam peperangan dan pertanian. Cabaran yang diketengahkan oleh Ahmad Shawal memberi refleksi konflik dalam masyarakat tradisional yang boleh diinterpretasi sebagai konflik asas dalam masyarakat. Namun begitu, ketinggian ilmu dan kebijaksanaan Nikosa mengatasi konflik ini menyerlahkan kejituan kepengarangan Ahmad Shawal. Hal ini sejajar dengan pandangan tokoh bahasa, sastera dan budaya Sarawak, iaitu "*kesedaran yang ditunjukkan oleh Ahmad Shawal dalam penerbitan buku sastera untuk bacaan umum amat mengagumkan*" (Hazami Jahari, 2006).

HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA DALAM PERBAHASAN SARJANA

Menyoroti kajian dan penulisan yang dijalankan berkisar HPN, pengkaji dan penulis terdahulu dilihat aktif meneliti karya ini dari pelbagai sudut dan pendekatan. Tidak terhad dari aspek bahasa dan sastera, elemen budaya, strategi ekonomi dan seumpamanya turut dikupas menggunakan kerangka yang pelbagai, merentas bidang dan skop kajian.

Mengambil hanya beberapa penulisan dan kajian dalam konteks karya ini, Hamzah Hamdani (1988) merupakan antara tokoh yang membincangkan HPN. Antara pembahasan beliau termasuklah berkaitan pemikiran pengarang dalam HPN, yang menjelaskan tentang sikap pengarang HPN yang berpandangan jauh, amat mengambil berat terhadap waktu dan kesedarannya yang mendalam sebagai hamba Allah. Di samping mengetengahkan kemodenan pemikiran berbanding dengan zaman kehidupannya, pengarang juga mengambil tanggung jawab besar, sebagai individu berpendidikan pada zamannya, untuk memberi tunjuk ajar kepada masyarakat yang masih mundur.

Kupasan tentang kewujudan HPN dalam landskap sastera Sarawak sebagai pemula genre novel di Malaysia juga disentuh Hamzah Hamdani (2021). Selain memperincikan kisah Nikosa dalam penulisan tersebut, diketengahkan juga beberapa sudut, yang dinyatakan sebagai kurang jelas dari segi keberadaan peristiwa yang berlaku di Sarawak dan zaman berlakunya kisah tersebut. Sungguhpun demikian, dengan adanya pembuktian menerusi perwatakan, latar, peristiwa, suasana, masa, serta pandangan tokoh lain, karya ini menggambarkan alam realiti dengan pembinaan watak yang tidak sampai ke tahap penglipur lara atau hikayat. Novel ini boleh diterima sebagai novel sebenar yang lahir daripada persekitaran realiti Melayu (Syed Othman, dlm. Hamzah Hamdani, 2021). Hamzah Hamdani (2021, hlm. 188) juga menyatakan HPN sebagai sebuah novel Melayu terawal kerana dicetak dan tersebar luas, yakni menepati ciri-ciri sastera moden yang didefinisikan oleh Ismail Hussein (1974).

Sahlan Mohd. Saman (2000) pula menjalankan kajian perbandingan dari sudut sumber pembaharuan, teknik kepengarangan dan fungsional kesusasteraan menggunakan beberapa karya tempatan Sarawak, seperti HPN, *Melati Sarawak*, *Kelingkang*, dan *Persimpangan*. Menerusi penulisan tersebut, secara khusus, HPN berkisar tentang individu berani dan bijaksana, iaitu Nikosa, dengan menyentuh juga tentang strategi ekonomi pertanian. Leksikal-leksikal tempatan seperti *lepak*, *padi huma*, *pohon mulong*, *angkalak*, *pisang*, dan *angka* yang digunakan oleh pengkarya juga disebut sebagai suatu bentuk gaya bahasa dengan “warna kedaerahan” oleh Sahlan. Kebijaksanaan Nikosa, khasnya dalam mengetengahkan isu ekonomi terserlah melalui perihal perincian berkenaan program ekonomi selama 40 tahun, yang pada dasarnya bukan sebuah usaha yang mudah dari segi pelaksanaannya, namun memerlukan ketinggian intelek dalam perancangannya.

Beberapa penulisan terkini berkaitan HPN dimuatkan dalam satu penerbitan bertajuk *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri gagasan dan pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2022. Dengan kumpulan makalah daripada penulis seperti Nordi Achie, Abang Patdeli Abang Muhi, Jeniri Amir, dan Che Abdullah Che Ya, aspek pemikiran Ahmad Shawal dikupas daripada beberapa sudut pandang, misalnya dalam konteks ruang dan masa, nilai, persoalan Melayu, kesopanan bahasa, serta perkembangan intelektual.

Nordi Achie (2022) misalnya menekankan bahawa pengarang Ahmad Shawal yang diiktiraf sebagai pakar rujuk kesusasteraan Melayu, terbukti dengan lahirnya HPN sebagai sebuah manuskrip novel Melayu pertama di rantau Asia Tenggara ini. Beliau berpendapat bahawa penulisan Ahmad Shawal menyerlahkan citra kepimpinan yang diimpikan. Beberapa aspek kepimpinan Nikosa termasuk “*kesempurnaan pancaindera, jasaki dan nurani*” (2022, hlm. 7) berani, matang, pemurah, adil, jujur dan bijaksana dalam menangani kemelut pergolakan yang dihadapi oleh penduduk kampung dan juga oleh watak Pilina.

Abang Patdeli Abang Muhi (2022) juga menyentuh perihal sifat-sifat mulia yang ditekankan dalam pemimpin Melayu, seperti terkandung dalam HPN. Keprihatinan ayahanda Nikosa sebagai protagonis pertama dalam HPN, dan seterusnya disambung oleh anaknya Nikosa yang pada awal penceritaan hanya berumur 18 tahun dalam menghadapi kemelut pencerobohan musuh ke atas kampung mereka telah memberikan pembaca satu gambaran jelas akan ketinggian pemikiran pengarang. Ahmad Shawal dinyatakan bijak mempersembahkan sifat-sifat mulia pemimpin Melayu dalam usaha kedua protagonis untuk mengembalikan keharmonian dan kesejahteraan penduduk kampung. Selain itu, HPN turut menekankan aspek kepentingan pendidikan yang tidak boleh dipinggirkan kerana pendidikan dapat membuka jalan kepada kebolehan berfikir, dan meningkatkan keupayaan berusaha memperbaiki taraf kehidupan.

Jeniri Amir (2022) dalam kertas kerja beliau, antara lain membicarakan ciri-ciri “selebriti” Ahmad Shawal seperti yang dinukilkan oleh Margaret Brooke (1903). Ahmad Shawal yang diberikan kepercayaan dalam jawatan pemerintahan Brooke diakui mempunyai perwatakan yang disenangi oleh masyarakat dan juga oleh Kerajaan Brooke sendiri kerana kebolehan beliau dari segi kepimpinan dan pengetahuannya. Ahmad Shawal dinyatakan mempunyai “*ketokohan dan kepakaran, serta berpengalaman dalam budaya dan sastera serta bahasa Melayu*” (Jeniri Amir,

2022). Kebolehan Ahmad Shawal juga pernah disentuh dalam penulisan Noel Denison (1879) dalam buku *Jottings Made During a Tour Amongst the Land Dayak of Upper Sarawak, Borneo, During the Year 1874*. Jeniri Amir berkongsi pandangan yang ditulis oleh Denison mengenai Ahmad Shawal, yang antara lain menyebutnya sebagai “court writer” dan guru bahasa yang dikenali dalam kalangan pegawai Brooke.

Kupasan Che Abdullah Che Ya (2022) pula berkisar kandungan HPN dari segi perspektif sosiologi. Melalui karya sastera, satu proses penciptaan semula pengalaman dalam kehidupan masyarakat dilahirkan kerana karya sastera itu tidaklah lahir daripada ruang yang kosong. Pemerhatian segala bentuk peristiwa diolah kembali oleh pengarang dengan kombinasi imaginasi, kreativiti dan ideologi yang dipegang serta wawasan seseorang pengarang. Berpandukan pengertian ini, maka HPN membawa penzahiran keadaan masyarakat pada masa tersebut yang diertikan sebagai masyarakat yang bersatu hati, mempunyai muafakat dan kerjasama erat demi kesejahteraan bersama, kecintaan terhadap negara dan memiliki tonggak kepimpinan yang bijak, adil dan saksama.

KAJIAN HPN BERLANDASKAN TEORI PEMIKIRAN

Pembahasan HPN dari pelbagai sudut sebelum ini mendorong kepada penelitian yang memiliki nilai tambah tersendiri, khususnya melibatkan dapatan yang pelbagai. Selain berupaya menyerlahkan dapatan yang signifikan dengan tujuan dan objektif kajian, penelitian HPN turut memberi gambaran yang berpada dari sudut sastera dan budaya yang mendominasi kajian terdahulu. Penerapan teori pemikiran, seperti yang dijalankan dalam penulisan ini, diharapkan berupaya menghuraikan HPN dengan lebih menyeluruh dan lengkap, terutamanya melibatkan aspek bahasa dan pemikiran dalam proses mengetengahkan keintelektualan pengarang pada abad ke-16.

Teori pemikiran yang diketengahkan Mohd. Yusuf Hasan (2007) mengandungi unsur-unsur pemikiran luhur, lahir, logik dan lateral, atau dinamakan (SPB4L), dan seterusnya dikukuhkan dengan lanjutan perinciannya, iaitu dengan unsur-unsur kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan (SPB4K). Teori SPB4K secara asasnya ialah gabungan dan penyepaduan empat sistem pemikiran manusia melalui hasil karya sastera mereka, iaitu keagamaan, keprofesionalan, kerasionalan, dan kemanusiaan, serta digolongkan sebagai sebuah teori pemikiran dan sastera mandiri Melayu. Teori ini juga didasarkan kepada tiga sumber utama, iaitu syiar Islam, perkembangan sains dan teknologi barat dan timur, dan keadaan masyarakat majmuk dalam kalangan rakyat Malaysia. Daripada tiga sumber ini, teori pemikiran yang dicadangkan dan dibangunkan oleh Mohd. Yusuf Hasan ialah Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang merangkumi Kerohanian, Kesaintifikan, Kebitaraan, dan Kekreatifan. Empat aspek ini pula merangkumi hal-hal keimanan, kehebatan minda, kelogikan, dan keindahan. Teori ini memungkinkan satu penerapan kaedah holistik dan bersepadu dalam kritikan teks sastera.

Dalam makalah ini, novel *Hikayat Panglima Nikosa (The story of Panglima Nikosa)* terbitan tahun 1983 oleh Persatuan Kesusasteraan Sarawak dimanfaatkan sebagai sumber data, yang seterusnya dianalisis berlandaskan teori SPB4K. Kaedah analisis kandungan diaplikasikan dengan fokus kepada teks manuskrip ini. Data berbentuk frasa dan ayat diperoleh menerusi bacaan novel secara berulang kali, yang dilabel sebagai Data 1, Data 2 dan seterusnya, berdasarkan perenggan dan halaman,

seterusnya diorganisasi mengikut unsur-unsur kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan, seperti yang terkandung dalam teori kajian. Dengan contoh-contoh empirikal yang diketengahkan, pemaparan dan perbincangan data dibuat secara deskriptif untuk menunjukkan pemikiran holistik pengarang, Ahmad Shawal Abdul Hamid dalam garapan novel Melayu pertama ini.

Konsep Pemikiran Kerohanian

Pemikiran Kerohanian atau Ketuhanan merangkumi hal-hal berkaitan kejiwaan, keagamaan, kerohanian, soal dalaman berasaskan kepada ajaran kepercayaan agama (Mohd. Yusuf Hasan, 2007). Penelitian terhadap HPN menggunakan kerangka SPB4K membawa kepada sebuah pemikiran yang mencerminkan konsep kepercayaan yang luhur kepada Tuhan (hubungan secara vertikal antara manusia dengan Allah) dan juga hubungan secara horizontal (hubungan manusia sesama manusia dan alam semesta). Konsep pemikiran kerohanian menyerlahkan betapa pentingnya manusia berserah kepada pertolongan Allah, Tuhan Yang Maha Esa dalam apa jua usaha yang dilakukan dan bersifat merendah diri dan bertingkah laku baik sesama insan. Jadual 1 menunjukkan beberapa contoh penggunaan bahasa dalam HPN yang menyerlahkan aspek kerohanian tersebut.

Jadual 1. Elemen Kerohanian dalam HPN

Data	Elemen Kerohanian	HPN
1	...rumah sembahyang...	P2, ms. 2
2	...dengan pertolongan Allah...	P3, ms. 10
3	...beserta dengan tolongan Allah...	P2, ms. 10
4	...pusaka daripada Tuhan kepada hambaNya....	P1, ms. 18
5	...Tuhan yang amat kuasa...	P3, ms. 19
6	...Tuhan yang amat kuasa dan mahabesar.	P1, ms. 19
7	...dengan sebenar-benarnya harta ini sekalian harta rampasan yg dibawa oleh kami serta dengan kawan-kawan kami dari negeri musuh. Akan tetapi, bukannya kami yang empunya dia.	P3, ms. 8

Sumber: HPN, 1983

Dalam elemen-elemen kerohanian yang diketengahkan dalam Jadual 1, Ahmad Shawal memberikan gambaran sebuah masyarakat yang beramal dengan adanya penggunaan ungkapan “*rumah sembahyang*” (Data 1). Frasa “*rumah sembahyang*” merujuk kepada satu binaan khas yang ditetapkan untuk beribadat, ataupun dalam penggunaan kata yang lebih terkini, surau ataupun masjid. Meskipun perkataan yang lebih terkini tidak digunakan dalam penulisannya, namun ia jelas menggambarkan sebuah binaan khas untuk umat Islam beribadah. Seperti juga agama-agama lain, rumah ibadah inilah tempat umat Islam berkumpul dalam menjalankan ibadah solat jemaah dan aktiviti-aktiviti keagamaan lain seperti ceramah, tazkirah, membaca Al-Quran dan sebagainya.

Seterusnya, pengarang dilihat bijak memberi penekanan prinsip “*pertolongan*” yang paling unggul kepada manusia adalah daripada Allah (Data 2 dan 3). Setiap usaha oleh manusia akan membuahkan hasil sekiranya mendapat pertolongan

daripada Allah. Masyarakat yang dilakarkan dalam HPN bukan sahaja digambarkan sebagai bersyukur dan mengingati amanah dan pusaka Yang Maha Esa serta mengakui nikmat daripada-Nya, malahan ia juga menekankan kebesaran dan kekuasaan Tuhan (Data 4, 5 dan 6). Ahmad Shawal, melalui watak Nikosa menyemat kesedaran dalam diri Pilina akan peri pentingnya mengingati anugerah percuma daripada Yang Maha Esa untuk dinikmati oleh hamba-Nya. Seperti yang diungkapkan oleh Nikosa dalam petikan berikut, peringatan dan nasihat yang disampaikan berupaya menunjukkan kebijaksanaan Ahmad Shawal dalam menyelitkan teguran, dan dalam masa yang sama menekankan keesaan Allah SWT serta keperluan manusia berusaha untuk mencapai kejayaan dalam kehidupannya.

“Maka lihatlah segala tanah dan air dan panas daripada matahari dan hujan dari langit dan ikan-ikan yang di dalam air dan unggas-unggas yang di udara dan mergastua yang di dalam hutan. Maka sekeliannya itu pusaka daripada Tuhan kepada hambaNya yang diam di dalam dunia ini dengan percuma melainkan hendaklah manusia itu bekerja dengan tulangnya sendiri serta dengan akal nya melawan sekalian kesusahan dan kelelahan yang bertemu sepanjang umur seperti melawan musuh yang hendak mencuri barang-barang atau membunuh orang negeri engkau.” (Data 4)

Petikan ini dengan jelas menggolongkan setiap yang ada di bumi dan di langit ialah harta yang diberikan oleh Allah kepada hamba-Nya. Namun begitu, tidak akan ada harta yang kekal melainkan dengan usaha dan akal manusia untuk melestari dan mempertahankannya. Kesedaran dalam elemen kerohanian ini begitu jelas dan jitu dalam lakaran ayat-ayat nukilan Ahmad Shawal dalam HPN.

Dalam masa yang sama, kerohanian juga boleh diserlahkan dalam prinsip integriti dan cerminan akhlak serta tingkah laku watak Nikosa. Hal ini boleh dilihat pada kebijaksanaan Ahmad Shawal melakar makna keadilan dan kesamarataan dalam menikmati hasil rampasan yang dibawa balik daripada peperangan, seperti digambarkan dalam Data 7.

“Bahawa dengan sebenar-benarnya harta ini sekalian harta rampasan yg dibawa oleh kami serta dengan kawan-kawan kami dari negeri musuh. Akan tetapi, bukannya kami yang empunya dia. Maka inilah sahaja hak sekalian orang dalam kampung sebab kami disuruh oleh ayahanda serta sekalian orang tua-tua berangkat melanggar musuh. Maka sebab itu kami mendapat keuntungan sebanyak ini.” (Data 7)

Jika diteliti, ungkapan *“bukannya kami yang empunya”* memberikan satu gambaran ciri kerohanian, dalam bentuk hati nurani seorang pemimpin yang mengakui harta kekayaan yang diperoleh ialah hak bersama kurniaan Tuhan yang seharusnya dinikmati demi kelangsungan dan kebahagiaan setiap individu dalam masyarakat yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang mempercayai dan mengamalkan prinsip keadilan serta kekayaan untuk dinikmati bersama atau kesamarataan oleh masyarakat, maka selayaknya pemimpin tersebut mempunyai pegangan agama yang tinggi dan tidak dikaburi oleh nikmat dunia. Nukilan Ahmad Shawal ini jelas memberikan gambaran kerohanian yang unggul, dan bertujuan menasihati serta mengingatkan pembaca akan kepentingan keluhuran hati yang berpaksikan pada ajaran agama kerana selain hubungan dengan Allah, pemikiran

kerohanian juga menekankan hubungan dengan manusia dan alam. Watak Nikosa turut memotret hubungan yang sangat baik dengan watak seperti ayahnya, isterinya, orang-orang kampung, dan juga Pilina.

Konsep Pemikiran Kesaintifikan

Pemikiran kesaintifikan merujuk kepada pemikiran logik, tepat, berdasarkan fakta dan angka, berserta keperluan mempunyai hujah, objektif, dalil, dan bukti (Mohd. Yusuf Hasan, 2007). Berdasarkan analisis, HPN didapati amat sarat dengan cerminan pemikiran kesaintifikan melalui hujah perancangan rapi dalam nasihat pertanian secara sistematik, seperti digambarkan menerusi beberapa contoh dalam Jadual 2.

Jadual 2. Elemen Kesaintifikan dalam HPN

Data	Elemen Kesaintifikan	HPN
1	Maka lihatlah segala tanah dan air dan panas daripada matahari dan hujan dari langit dan ikan-ikan yang di dalam air dan unggas-unggas yang di udara dan mergastua yang di dalam hutan.	P3, ms. 18
2	Daripada hari ini engkau seperti orang yang naik tangga yang dua belas anak tangganya...melangkah satu-satu, dan berhemat baik-baik supaya jangan jatuh ke bawah lagi...	P2, ms. 21
3	Maka selama ini hendaklah ingat baik-baik dengan wang dua puluh ringgit itu sebab kira-kiranya tahan setahun kerana dua puluh ringgit itu dibahagi dua belas menjadi rundingan seringgit enam puluh enam sen sebulan-sebulan...	P3, ms. 23
4	Maka sementara engkau menebas dan menanam padi menanti-nanti padi masak, bolehlah engkau sedia tanah yang dekat berkeliling rumah, bertanam pisang, buah angkalak, dan nangka banyaknya sepuluh batang satu-satu macam.	P3, ms.23
5	...hendaklah ingat baik-baik dengan wang yang dua puluh ringgit itu sebab kira-kiranya tahan setahun kerana dua puluh ringgit itu dibahagi dua belas menjadi rundingan seringgit enam puluh enam sen sebulan-sebulan...dan engkau dengan bini engkau bekerja ladang setahun dan jangan menghilangkan waktu karena itu seperti wang kepada orang.	P1, ms.23-24
6	Maka dirunding dua belas kali dua belas menjadi seratus empat puluh empat pokok mulong yang ditepi-tepi uma engkau dan anak mulong beribu-ribu...mulong tiada merosakkan padi dan padi tiada merosakkan mulong dan pokok mulong yang besar-besar itu melindungi padi daripada angin dan padi pun tiada tumbang jika kena ribut.	P4, ms. 26

Sumber: HPN, 1983

Pada bahagian ketiga HPN yang mengisahkan pertemuan Nikosa dan Pilina, Ahmad Shawal memfokus kepada perincian kaedah penanaman padi dan tanaman lain secara sistematik untuk memastikan Pilina dan keluarganya keluar daripada kepompong kemiskinan. Sebelum kaedah penanaman tanaman diberikan kepada Pilina, Nikosa dengan secara berhati-hati dan bijaksana menggambarkan suasana alam yang berpaksi kepada unsur-unsur alam semula jadi yang dikurniakan Allah kepada manusia. Elemen kesaintifikan terpancar jelas menerusi Data 1 berikut yang menjelaskan kebergantungan semua entiti yang diciptakan Allah untuk manusia mengambil iktibar dan mensyukurinya, dan pada masa yang sama berusaha menggunakannya di jalan yang sewajarnya untuk manfaat kehidupan bersama.

“Maka lihatlah segala tanah dan air dan panas daripada matahari dan hujan dari langit dan ikan-ikan yang di dalam air dan unggas-unggas yang di udara dan mergastua yang di dalam hutan.” (Data 1)

Menerusi Data 2 pula, Nikosa memberi satu bentuk perumpamaan jelas kepada Pilina tentang hakikat dan langkah penting dalam menempuh kehidupan;

“Daripada hari ni engkau seperti orang yang naik tangga yang dua belas anak tangganya...melangkah satu-satu, dan berhemat baik-baik supaya jangan jatuh ke bawah lagi...” (Data 2)

Berdasarkan ujaran ini, pengarang ternyata bijak memberi gambaran akan peningkatan anak tangga secara satu-persatu, yang beranalogi dengan pentingnya sikap kesungguhan untuk mencapai kejayaan dan sikap penuh berhati-hati dalam menjalankan sesuatu usaha untuk tidak terjatuh ke jurang kemiskinan lagi, iaitu sekiranya Pilina mempunyai azam dan iltizam untuk berjaya.

Penelitian seterusnya dalam Data 3 dan Data 5 pula menyerlahkan pemikiran saintifik yang agak mudah, namun tidak terperi pentingnya;

“Maka, selama ini hendaklah ingat baik-baik dengan wang dua puluh ringgit itu sebab kira-kiranya tahan setahun kerana dua puluh ringgit itu dibahagi dua belas menjadi rundingan seringggit enam puluh enam sen sebulan-sebulan...” (Data 3)

“...hendaklah ingat baik-baik dengan wang yang dua puluh ringgit itu sebab kira-kiranya tahan setahun kerana dua puluh ringgit itu dibahagi dua belas menjadi rundingan seringggit enam puluh enam sen sebulan-sebulan...dan engkau dengan bini engkau bekerja ladang setahun dan jangan menghilangkan waktu karena itu seperti wang kepada orang.” (Data 5)

Berdasarkan ujaran dalam Data 2, Nikosa berpesan supaya wang sebanyak dua puluh ringgit dibelanjakan dengan perhitungan yang rapi untuk tempoh selama 12 bulan. Perhitungan serapi ini memberikan gambaran perkiraan secara fakta untuk melatih minda agar menjadi cekal dan berhati-hati dalam perbelanjaan, dan diilustrasikan dengan kiraan matematik mudah. Walaupun nampak ringan, namun kira-kira mudah sedemikian dapat menyerlahkan keprihatinan pengarang Ahmad Shawal dalam memastikan ia difahami pembaca dan boleh diaplikasikan dengan mudah.

Konsep pemikiran kesaintifikan juga boleh dilihat daripada Data 4. Dalam hal ini, perancangan rapi dalam pertanian diketengahkan dengan mengambil kira masa yang diperlukan untuk tanaman padi mencapai tahap matang. Sementara menunggu padi sesuai untuk dituai, maka Nikosa menasihati Pilina untuk tidak mensia-siakan masa, iaitu dengan menanam pisang, *angkalak* dan nangka. Penanaman selingan ataupun *“intercropping”* merupakan satu teknik pertanian lestari yang amat berguna untuk kesuburan tanah, dan dapat mengoptimumkan penggunaan tanah. Perancangan dari segi penanaman seumpama ini ternyata menonjolkan pemikiran saintifik Ahmad Shawal yang secara teratur dan sistematik dapat memberikan

kefahaman bukan sahaja mengenai teknik tanaman, malah berkait rapat dengan keperluan semula jadi nutrien tumbuhan, secara langsung ataupun tidak langsung.

Menerusi Data 6 pula, pemikiran kesaintifikan pengarang diterjemahkan dalam syor Nikosa kepada Pilina untuk memilih tanaman pokok rumbia atau lebih dikenali sebagai pokok mulong yang menghasilkan sagu. Kelebihan mulong yang sinonim dengan negeri Sarawak ini adalah seperti yang disyorkan oleh Nikosa, iaitu ia tidak merosakkan padi, namun pada masa yang sama, ia akan memberi hasil dan “melindungi” padi daripada bencana alam seperti angin dan ribut.

“Maka dirunding dua belas kali dua belas menjadi seratus empat puluh empat pokok mulong yang ditepi-tepi uma engkau dan anak mulong beribu-ribu...mulong tiada merosakkan padi dan padi tiada merosakkan mulong dan pokok mulong yang besar-besar itu melindungi padi daripada angin dan padi pun tiada tumbang jika kena ribut.” (Data 6)

Sehubungan dengan itu, jelas daripada beberapa data yang diketengahkan dalam perbincangan, Ahmad Shawal ternyata bijak melontar idea dengan penggunaan bahasa yang menyerlahkan pemikiran kesaintifikan. Hal ini memberikan refleksi tahap keintelektualan yang sangat tinggi, dengan perincian pemikirannya dalam novel HPN nukilannya. Tidak dapat dinafikan bahawa Ahmad Shawal ialah seorang individu yang berbudaya, berpendidikan dan berpengetahuan, seperti yang disifatkan oleh pemerintahan Brooke, dan juga sarjana-sarjana terdahulu yang telah meneliti HPN.

Konsep Pemikiran Kebitaraan

Pemikiran yang dimaksudkan sebagai serlahan pemikiran kebitaraan ini merangkumi akal fikiran yang bijaksana, cerdas, cemerlang, hebat, berhemah tinggi (Mohd. Yusuf Hasan, 2007). Akal yang dianugerahkan Tuhan ke atas hamba-Nya mempunyai fungsi dan peranan, keupayaan dan sistemnya yang tersendiri untuk dipertingkatkan dan diasuh menjadi cemerlang dan hebat. Melalui nukilan watak dan perwatakan dalam HPN, Ahmad Shawal dilihat pintar mengutarakan idea yang memberi cerminan kebitaraan kepengarangan melalui watak utamanya, Nikosa. Jadual 3 menunjukkan beberapa contoh yang dapat diketengahkan dalam perbincangan berkenaan pemikiran kebitaraan yang dimaksudkan.

Jadual 3. Elemen Kebitaraan dalam HPN

Data	Elemen Kebitaraan	HPN
1	...Nikosa itu delapan tahun dan mukanya pun terlalu bagus dan hatinya lurus dan tabiatnya baik dan sampailah orang-orang mengharap kepadanya karena hatinya jernih dan terang.	P2, ms. 4
2	Maka apabila Nikosa itu sudah mendapat empat buah negeri musuhnya itu dan amat banyak beroleh rampasan...	P2, ms. 6
3	Orang mendapat sangka yang dianya panjang fikiran dan bijaksana serta pandai menimbang bicara yang lurus dan adil.	P2, ms. 7

4	...terlalu murah hatinya dan di dalam segala pekerjaannya dengan berfikir seperti pemikiran orang tua-tua serta menaruh malu dan tiada menaruh sombong serta baik dan adil kepada orang-orang banyak.	P3, ms. 9
5	Akan tetapi, pada waktu ini siang mengganti malam dan janganlah pula senang itu lupa masing-masing akan pekerjaan diri kamu sebab tiada bekerja dan tiada akal yang cerdas dan lurus tiadalah mendapat sesuatu apa-apa yang menjadi pusaka ke turun temurun kepada anak cucu kemudian daripada jiwa yang hilang.	P3, ms. 11-12
6	Maka di dalam fikiran Nikosa inilah terlebih untung daripada wang atau emas karena harta-harta itu boleh hancur atau hilang, dan apakah kebanyakan di dalam hati manusia hidup selama-lamanya?	P2, ms. 13-14
7	Maka semua anak-anaknya itu mendapat pelajaran yang baik daripada guru-gurunya...maka, sebab itu ia pun dapat mengajar kepada orang-orang kemudian hari.	P2, ms. 14

Sumber: HPN, 1983

Secara keseluruhannya, jika diamati dan dibaca dengan meletakkan diri kita pada zaman dan situasi apakala HPN dikarang, Ahmad Shawal berjaya menghasilkan watak dan perwatakan yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat luaran dan dalamannya, dan beliau berhasil menjadi tauladan kepada pembaca. Nikosa digambarkan sebagai watak anak muda yang baik budi pekertinya, bagus bicaranya, elok rupanya dan pada usia 18 tahun, yakni setelah diminta oleh ayahnya, telah berjaya mengepalai sekumpulan 300 orang anak muda menumpaskan dan menakluki empat buah negeri. Perkara ini diserlahkan pada peringkat pertama dalam jalan cerita HPN. Garapan pemikiran kebitaraan dalam HPN sangat jelas dan tidak boleh disangkal. Secara khusus, beberapa contoh kutipan HPN seperti Data 1, 2 dan 3 diturunkan seperti berikut;

“Nikosa itu delapan belas tahun dan mukanya pun terlalu bagus dan hatinya lurus dan tabiatnya baik dan sampailah orang-orang megngharap keadaannya kerana hatinya jernih dan terang...” (Data 1)

“Maka, apabila Nikosa itu sudah mendapat empat buah negeri musuhnya itu dan amat banyak beroleh rampasan...” (Data 2)

“Orang mendapat sangka yang dianya (Nikosa) panjang fikiran dan bijaksana serta pandai menimbang bicara yang lurus dan adil.” (Data 3)

Pada usia 18 tahun, watak Nikosa digambarkan sebagai protagonis yang mempunyai ciri-ciri kesempurnaan luaran dan dalaman. Kesempurnaan Nikosa jelas dalam pemilihan frasa-frasa, *“mukanya bagus, hatinya lurus, tabiatnya baik, hatinya jernih dan terang”*. Ungkapan yang digunakan pengarang dalam menggambarkan anak muda bernama Nikosa ini tiada cacat celanya, dan hal ini bertepatan dengan pemikiran kebitaraan yang mengangkat sesuatu watak sebagai bijaksana dan menjadi tauladan kepada pembaca.

Pada usia 30 tahun, Nikosa berkahwin dengan Jalilah yang digambarkan sebagai anak menteri yang “*terlalu baik dan cantik parasnya*” dan “*cantik manis sampai hatinya pun demikian juga*”. Melalui watak Nikosa, pemikiran kebitaraan sekali lagi jelas digambarkan oleh pengarang melalui fikirannya bahawa mengahwini Jalilah ialah langkah yang bijaksana, dan merupakan satu keuntungan yang tidak ternilai. Seterusnya, anak-anak yang dikurniakan kepada pasangan Nikosa dan Jalilah diberikan pendidikan yang baik agar mereka menjadi insan yang berguna kepada masyarakat pada masa akan datang, seperti yang digambarkan dalam Data 5 dan 6.

“...di dalam fikiran Nikosa inilah terlebih untung daripada wang atau emas karena harta-harta itu boleh hancur atau hilang, dan apakah kebanyakan di dalam hati manusia hidup selama-lamanya?” (Data 5)

“Semua anak-anaknya mendapat pelajaran yang baik daripada guru-gurunya...maka, sebab itu ia pun dapat mengajar kepada orang-orang kemudian hari.” (Data 6)

Sebagaimana pemikiran kerohanian dan kesaintifikan, Ahmad Shawal juga berjaya mengetengahkan pemikiran kebitaraan dalam lontaran pemikirannya menghasilkan gandingan watak Nikosa dan isterinya Jalilah yang cemerlang luaran dan dalamannya.

Konsep Pemikiran Kekreatifan

Pemikiran kekreatifan merujuk kepada keupayaan atau keperluan bersikap lateral, kreatif, inovatif, subjektif, memberi idea serta pendapat yang bersifat estetik, dan mempunyai falsafah (Mohd. Yusuf Hasan, 2007). Pemikiran ini juga menggunakan otak kanan yang bersifat kesusasteraan dan seni, serta dapat melahirkan insan yang sensitif, ceria, suka berjenaka, dan optimis dalam kehidupan. Dalam meneliti novel HPN, idea-idea yang memancarkan pemikiran kekreatifan pengarang terjalin rapat dengan konsep-konsep kebolehan berfikir secara lateral dalam proses penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi, yakni apabila ia disokong oleh pemikiran kerohanian, kebitaraan dan kesaintifikan. Dalam meneliti kecemerlangan Ahmad Shawal menjalinkan pemikiran kerohanian, kebitaraan dan kesaintifikan untuk menyerlahkan pemikiran kekreatifannya sebagai pengarang, maka novel HPN wajar dianalisis dari sudut keindahan jalan cerita dan gaya penceritaannya.

Kekreatifan pemikiran Ahmad Shawal boleh dikesan daripada jalan penceritaannya yang memanfaatkan pengaruh persekitarannya dalam penulisan. Sebagai contoh, antara perkara penting yang dipetik daripada novel HPN termasuklah usaha Nikosa dalam memenuhi amanah daripada ayahanda untuk mengembalikan keamanan di kampung mereka. Nikosa digambarkan sebagai seseorang individu yang berani, bijaksana dan baik hati (Reece dan Thomas, 1983). Diceritakan bahawa setelah menjadi seorang pemimpin yang berjaya membuka *Jalanan Baharu*, Nikosa turut berusaha membantu Pilina yang telah datang kepadanya mengadu tentang kepayahan hidup. Nikosa telah menasihatkan Pilina untuk berbudi kepada tanah dan mengerjakan tanah untuk mendapatkan hasil daripada tanaman serta tidak mengharapkan belas kasihan daripada orang semata-mata. Dalam tindakan tersebut, jelas bahawa Nikosa tidak berniat untuk sekadar memberi wang kepada Pilina, yakni untuk membantunya, tetapi Nikosa telah melihat jauh ke hadapan demi kelangsungan

hidup Pilina dan isterinya. Nikosa telah mengajar Pilina tentang cara mendapatkan rezeki secara berterusan, iaitu dengan aktiviti yang boleh dibuat semasa menanti semaian berhasil, justeru langkah tersebut mencerminkan kelangsungan hidup Pilina dan keluarga bakal terpelihara (Jeniri Amir, 2022).

Kekreatifan Ahmad Shawal selanjutnya dapat dilihat dari aspek pembangunan watak Nikosa yang digambarkan sejak belia hingga umur 40 tahun. Perkembangan watak yang ditulis dengan begitu teliti dan berteraskan peristiwa penting untuk setiap peringkat mempamerkan ketelitian pemikiran Ahmad Shawal dalam penulisannya. Seperti yang telah dijelaskan, penceritaan HPN dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu semasa Nikosa berumur 18 tahun, 30 tahun dan 40 tahun. Pada usia seawal 18 tahun, beliau diminta oleh ayahandanya, seorang ketua negeri di sebelah timur untuk mengetuai sekumpulan anak muda seramai 300 orang untuk mengembalikan keamanan kepada kampung halaman mereka yang porak-peranda serta membantu orang-orang kampung yang hidup dalam ketakutan kerana diganggu musuh. Nikosa dan anak-anak muda di kampung “sebelah timur” tersebut dijanjikan gelaran panglima atau pengarah, dan bakal dikahwinkan dengan anak-anak gadis di kampung tersebut sekiranya mereka berjaya mengembalikan keamanan dan kesenangan kepada kampung halaman mereka. Maka, keluarlah Nikosa dan tenteranya seramai 300 orang, bermatlamat menjatuhkan musuh dan seterusnya mencapai kemenangan dan kegemilangan. Bukan itu sahaja, mereka membawa balik rampasan dari negeri musuh untuk dibahagi-bahagikan dengan orang-orang kampung tanpa mengira umur dan kedudukan. Sekembalinya Nikosa ke kampung, beliau menunjukkan perubahan dan dalam masa yang sama menampakkan kematangannya, seperti digambarkan dalam petikan ini; “*lakunya jauh beza rupanya daripada dahulu daripada tutur katanya dan tabiatnya... dianya panjang fikiran dan bijaksana serta pandai menimbang bicara yang lurus dan adil*” (hlm. 190).

Pada usia 30 tahun, Nikosa mendapat gelaran Panglima Besar, dan diamanahkan untuk menjadi “kepala dan pemegang bicara negeri” kerana kecerdikan dan kejayaannya menundukkan sekalian musuh yang ada dan memastikan kedamaian dalam kehidupan seharian penduduk kampung. Nikosa seterusnya menitahkan pembinaan sebuah kampung baharu yang diberi nama *Jalanan Baharu*. Tiga tahun selepas *Jalanan Baharu* dibina, Nikosa berjodoh dengan Jalilah yang dianggap Nikosa sebagai sebagai satu keuntungan “*inilah terlebih untung daripada wang dan emas kerana harta-harta itu boleh hancur atau hilang...*” (hlm. 23). Perkahwinan Nikosa dan Jalilah dikurniakan tiga orang permata hati yang ditatang dengan penuh kasih sayang dan dididik dengan mengutamakan pendidikan, dengan niat bahawa merekalah nanti yang akan mendidik dan mengajar orang lain pada kemudian hari.

Pada bahagian terakhir novel HPN diceritakan pertemuan Panglima Nikosa dengan Pilina. Pilina yang menghadapi kesukaran hidup mencari Nikosa untuk mendapatkan bantuan dan nasihat kebijaksanaan beliau dalam kaedah bercucuk tanam yang sistematik, demi kelangsungan dan kekayaan Pilina dan keluarganya. Pada bahagian akhir ini Nikosa memperincikan cara bercucuk tanam secara tersusun, berserta nasihat dalam berbelanja, untuk memastikan Pilina dan isterinya mendapat kesenangan dalam masa dua belas tahun.

dengan niat bahawa merekalah nanti yang akan mendidik dan mengajar orang lain pada kemudian hari.

Pada bahagian terakhir novel HPN diceritakan pertemuan Panglima Nikosa dengan Pilina. Pilina yang menghadapi kesukaran hidup mencari Nikosa untuk mendapatkan bantuan dan nasihat kebijaksanaan beliau dalam kaedah bercucuk tanam yang sistematik, demi kelangsungan dan kekayaan Pilina dan keluarganya. Pada bahagian akhir ini Nikosa memperincikan cara bercucuk tanam secara tersusun, berserta nasihat dalam berbelanja, untuk memastikan Pilina dan isterinya mendapat kesenangan dalam masa dua belas tahun.

Selain jalan cerita yang disusun cantik dan sistematik, gaya bahasa yang digunakan juga menampakkan ketinggian akal budi dan falsafah pengarang kerana diselitkan juga panduan, analogi dan kiasan yang memerlukan daya fikir pembaca untuk mentafsir serta mendalaminya. Jadual 4 memaparkan elemen kepengarangan yang kreatif melalui pemilihan istilah yang indah dan berlapik.

Jadual 4. Elemen Kekreatifan dalam HPN

Data	Elemen Kekreatifan	HPN
1	Maka pada waktu ini akal hamba pun telah hilanglah dan fikiran pun tiadalah tetapi di mana-mana dapat yang cukup belanja pakai memberi makan bini hamba...	P5, ms. 16
2	...terlalulah panjang sampai kedengaran jantungnya hendak terbelah dua dan air matanya pun melelehlah sebagai hujan gugur dari langit.	P5, ms. 16
3	Maka sekeliannya itu pusaka daripada Tuhan kepada hamba-Nya yang diam di dalam dunia ini dengan percuma melainkan hendaklah manusia itu bekerja dengan tulangnya sendiri serta dengan akalnya melawan sekalian kesusahan dan kelelahan yang bertemu sepanjang umur seperti melawan musuh yang hendak mencuri barang-barang atau membunuh orang negeri engkau.	P3, ms. 18
4	...hai Pilina, seumpama kata meskipun jikalau pikulan manusia itu berat hendaklah engkau ingat ada suatu fasal cuba engkau fikir: adakah yang lain adat telah diletakkan oleh Tuhan di dalam dunia ini nescaya manusia sekeliannya beratus-ratus kali lebih sakit dan susah.	P2, ms. 19
5	Maka semuanya tutur dan rundingan itu didengarnya dengan asyiknya seperti orang yang haus menghisap segala patah kata itu.	P1, ms.21
6	...dan Pilina pun turun dengan mukanya gilang-gemilang dan nafsunya pun seperti baharu bertumbuh serta ada juga mendapat bekal-bekalan daripada kawan-kawan tuan Panglima pakai makannya sepanjang jalan ke Sungai Tuku.	P1, ms. 28

Sumber: HPN, 1983

Data 1 dalam Jadual 4 misalnya menunjukkan kata-kata Pilina yang sudah berputus asa mencari rezeki dan terpaksa memohon pertolongan daripada Nikosa. Perasaan putus asa tersebut diujarkan menerusi ayat "*akal hamba pun telah hilanglah dan fikiran pun tiadalah...*", yakni merujuk kepada rintihan hati Pilina yang sudah hilang akal dan fikiran akibat risau akan makan minum isterinya.

Data 2 dan 3 pula menunjukkan penggunaan bahasa kiasan yang berbunyi "*kedengaran jantungnya hendak terbelah dua dan air matanya pun melelehlah*

sebagai hujan gugur dari langit” dan “pusaka daripada Tuhan kepada hamba-Nya yang diam di dalam dunia ini dengan percuma...”. Berdasarkan Data 2, gambaran “jantung hendak terbelah dua” dan “air mata meleleh bagai hujan dari langit” didapati mengandungi makna yang begitu mendalam bagi pembaca merasakan gelombang perasaan Pilina pada ketika itu, iaitu untuk menzahirkan kelegaannya apabila dapat meluahkan kegusaran yang tersimpan dalam lubuk hatinya. Seterusnya, perkataan seperti ‘pusaka’ yang merujuk kepada “peninggalan” digunakan oleh pengarang untuk menggambarkan alam yang dicipta Tuhan untuk kegunaan hamba-Nya mencari rezeki. Ciptaan ini diberi “percuma” dan mencerminkan bahawa sesiapa sahaja boleh mengusahakan apa-apa sahaja di muka bumi ini untuk dijadikan sumber pendapatan. Penggunaan ayat kreatif seperti ini memberi ruang untuk pembaca berfikir dan merasakan kebenaran dalam kata-kata Nikosa tersebut, yang seterusnya disambung dengan ayat ‘...manusia itu bekerja dengan tulangnya sendiri serta dengan akalunya melawan sekalian kesusahan dan kelelahan yang bertemu sepanjang umur seperti melawan musuh yang hendak mencuri barang-barang atau membunuh orang negeri engkau.’ Penggunaan elemen perumpaan melalui perkataan ‘seperti’ juga merupakan sebahagian daripada aspek bahasa kiasan yang dijumpai dalam HPN.

Kekreatifan dari aspek penulisan novel ini seterusnya dapat dilihat dalam Data 4, iaitu dalam usaha memberi nasihat kepada Pilina, Nikosa cuba untuk mengingatkan Pilina berkenaan kesusahan yang dialami lebih ramai manusia dalam kehidupan ini, dan mungkin terzahir lebih berat daripada apa-apa yang dihadapi Pilina. Ujaran kiasan “seumpama kata meskipun... menjadi pembuka nasihat yang membuat Pilina berfikir akan ujian daripada Tuhan yang perlu ditempuh untuk menjadi kekuatan bagi dirinya pada kemudian hari. Frasa tersebut dengan jelas berfungsi untuk memberi gambaran kepada Pilina. Ujaran ini merupakan antara contoh yang secara tidak langsung menggambarkan watak Nikosa yang bijak dalam berfikir dan berbicara, iaitu memaparkan keupayaannya dalam menggunakan pengalaman nyata dan logik dalam tutur katanya.

Seterusnya, menerusi Data 5 dan 6 pula dapat dilihat penggunaan metafora untuk membayangkan reaksi Pilina setelah mendengar nasihat daripada Nikosa. Antaranya ujaran yang dimaksudkan termasuklah pernyataan “orang yang haus menghisap segala patah kata itu”, yakni Pilina digambarkan sebagai sangat asyik mendengar nasihat daripada Nikosa, seperti “menghisap perkataan” yang diujarkan kepadanya. Perkataan “menghisap” dalam hal ini seumpama menerima dengan mudah akan kata-kata yang dituturkan. Menerusi ayat “...Pilina pun turun dengan mukanya gilang-gemilang dan nafsunya pun seperti baharu bertumbuh...” dalam Data 6 pula, frasa “mukanya gilang-gemilang” dilihat mencerminkan perasaan sangat gembira yang dirasai Pilina, manakala pernyataan “nafsunya pun seperti baharu bertumbuh” mencerminkan semangat baru telah disuntik ke jiwa Pilina setelah berjumpa dengan Nikosa. Penggunaan frasa dan ayat yang penuh kiasan, indah dan berlapis seperti dalam data yang diketengahkan dalam HPN ini dapat mempamerkan kekreatifan Ahmad Syawal yang pintar bermain dengan olahan kata-kata indah dan bermakna.

Selain itu, ditemukan pelbagai panduan yang disertakan nasihat, umpamanya kiasan kebaikan hati manusia yang tidak dapat disamakan dengan wang dan emas, iaitu dalam peristiwa Nikosa mendapat jodoh. Nasihat kepada Pilina dalam menjalani kehidupan, berserta ujaran-ujaran yang penuh bermakna dan sarat dengan gaya

bahasa yang menarik dan berkesan juga menampakkan keindahan dan kekreatifan pengarang dalam memilih dan menggunakan kata-kata yang berkesan terhadap khalayak pembaca. Gabungan elemen-elemen tersebut ternyata menjadikan kepengarangan Ahmad Shawal sebuah nuansa kreatif yang unggul, lebih-lebih lagi jika diteliti dari latar sebuah novel Melayu karangan abad ke-19.

RUMUSAN

Sebagai sebuah karya bercetak pertama yang diterbitkan di Sarawak (1876), HPN mendukung satu harapan dan amanah besar dalam menjadi sebuah karya agung yang wajar diangkat nilai dan kredibilitinya, mewakili warisan tidak ternilai dalam dunia penulisan Sarawak secara khusus dan Malaysia seluruhnya. Pemugaran warisan penting ini, dari sudut kebahasaan, seperti yang diusahakan ini menjadi salah satu kupasan ilmiah yang turut merungkai sisi HPN yang memiliki ketinggian pedoman dan kandungan berguna bukan sahaja pada masa ia ditulis, malah melangkau dekad dan abad penerbitannya.

Penelitian ilmiah terhadap HPN menggunakan teori SPB4K dianggap sangat bertepatan dan memadai. Teori ini merupakan gabungan dan penyepaduan empat sistem pemikiran oleh manusia melalui hasil karya sastera mereka, iaitu pada asalnya menggabungkan keagamaan, keprofesionalan, kerationalan, dan kemanusiaan dan ia digolongkan sebagai sebuah teori pemikiran dan sastera mandiri Melayu. Memandangkan ia didasarkan kepada tiga sumber utama, iaitu syiar Islam, perkembangan sains dan teknologi barat dan timur, dan keadaan masyarakat majmuk dalam kalangan rakyat Malaysia (Mohd. Yusof Hasan, 2007), maka pemikiran dan falsafah ilmu yang digarap dalam HPN oleh penulisnya wajar ditelusuri dan dirungkai agar aspek pemikiran kerohanian, kesaintifikan, kebitaraan, dan kekreatifan yang sarat terkandung di dalamnya dapat dikupas serta diteladani oleh khalayak pembaca.

Analisis HPN menggunakan teori SPB4K juga dapat membawa khalayak kepada pemahaman karya ini dari sudut pandang baharu dan segar, seterusnya menghargai akan keperluan untuk mengangkat karya ini dengan lebih giat. Karya ini, walaupun pendek, namun apabila dianalisis dari sudut dekad dan abad ia ditulis, diteliti dari segi senario kehidupan dan kemajuan pada masa tersebut, dikupas dari segi kebitaraan yang ada pada seorang penulis Melayu, ia berupaya memberi cerminan padu akan kemampuan untuk mengundang cara berfikir dan bertindak dengan berhemah, bersistematik dan berpaksikan ajaran agama. Sepertimana catatan Syed Othman Syed Omar dan Hamzah Hamdani (2018) dalam bahagian Pengenalan buku HPN yang diterbitkan pada tahun 1983; Reece dan Thomas memberikan satu penghormatan kepada ketinggian pemikiran Ahmad Shawal, "*... the Hikayat Panglima Nikosa must be seen as an historical document: a political tract and practical farming guide designed to persuade Malays of the importance both of education and of systematic and development farming as the basic of economy security*", justeru wajarlah novel ini terus dikaji dari pelbagai sudut dan pendekatan, serta diakui keunggulannya sebagai novel Melayu pertama di dunia yang menyimpan seribu satu khazanah bahasa, budaya dan cara pandang masyarakat yang sungguh dekat dan akrab dengan realiti alamnya.

PENGHARGAAN

Semua penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) atas tajaan penyelidikan ini menerusi Geran Nusantara bertajuk 'Kepengarangan dan Pemikiran dalam Hikayat Panglima Nikosa' (No. Rujukan: UNI/F09/NRC/84420/2022).

RUJUKAN

- Abang Patdeli Abang Muhi. 2021. "Hikayat Panglima Nikosa: Novel Melayu pertama berpemikiran futuristik", *Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu, KEPULAUAN*, 1(1), 157-172.
- Abang Patdeli Abang Muhi. 2022. Hikayat Panglima Nikosa: Menelaah pemikiran dan persoalan Melayu. Dlm. *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri gagasan dan pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid*. (Ed. Fatimah Subet). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 46-65.
- Ahmad Shawal Abdul Hamid. 1983. *Hikayat Panglima Nikosa (The Story of Panglima Nikosa)*. Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- Awang Azman Awang Pawi. 2021. "Hikayat Panglima Nikosa: Transformasi sosial dalam magnum opus Borneo: Teks dan konteks", *Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu, KEPULAUAN*, Jil. 1, No. 01, 131-156.
- Che Abdullah Che Ya. 2022. Hikayat Panglima Nikosa sebagai sebuah novel yang memaparkan dokumen sosial masyarakat Sarawak. Dlm. *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri gagasan dan pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid*. (Ed. Fatimah Subet). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 378-397.
- Hamzah Hamdani. 1988. Pemikiran dalam Hikayat Panglima Nikosa. Dlm. *Wajah Sastera Sarawak*. Hamzah Hamdani (Pngr.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani. 2021. "Hikayat Panglima Nikosa: Permulaan genre novel di Malaysia?", *Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu, KEPULAUAN*, 1(1), 173-190.
- Hamzah Hamdani. 2004. *Pertumbuhan dan perkembangan sastera Melayu di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hazami Jahari. 2006. Penerbitan buku sastera di Sarawak dalam rangka menjana sastera sebagai wadah integrasi budaya. Dlm. *Sastera Wadah Integrasi Budaya, Kumpulan Kertas Kerja*. Hamzah Hamdani dan Abang Haliman Abang Julai (Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 115-137.
- Jeniri Amir. 2022. Hikayat Panglima Nikosa: Nilai dan pemikiran Ahmad Shawal. Dlm. *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri gagasan dan pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid*. (Ed. Fatimah Subet). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 66-104.
- Mohd. Yusuf Hasan. 2007. *Teori pendidikan: Pemikiran global*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nordi Achie. 2022. Dunia Melayu dalam kebobrokan zaman penjajahan Barat: Menelusuri gagasan dan falsafah Ahmad Shawal Abdul Hamid menerusi Hikayat Panglima Nikosa. Dlm. *Hikayat Panglima Nikosa: Menelusuri gagasan*

dan pemikiran Ahmad Shawal Abdul Hamid. (Ed. Fatimah Subet). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-45.

Sahlan Mohd. Saman. 2000. Dari Hikayat Panglima Nikosa ke Persimpangan: Suatu pengamatan komparatif. *Prosiding Perhimpunan Penulis Berbilang Kaum Sarawak*, 4-5 Julai 2000, Kuching.

Syed Othman Syed Omar & Hamzah Hamdani (Ed.). 2018. *Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Temu bual dan Wawancara

Temu bual tokoh, Dato Dr. Jeniri Amir, 3 Oktober 2022 di Pejabat Suara Sarawak dan *Sarawak Tribune*, Kuching Sarawak.

Penulis-penulis merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.